

17 JUN 2000

MCA-Resolusi/I

PERHIMPUNAN AGUNG MCA LULUSKAN 17 RESOLUSI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perhimpunan agung MCA ke-47 hari ini meluluskan 17 resolusi yang meliputi pelbagai perkara seperti hal ehwal parti, politik, pendidikan, agama dan kemasyarakatan.

Resolusi itu termasuk meminta seluruh rakyat memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha beliau membantras unsur negatif yang boleh mengancam perpaduan rakyat.

Perhimpunan itu juga meminta kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang parti yang cuba merosakkan perpaduan kaum di negara ini.

Berkaitan ekonomi, parti itu meminta pemantauan yang ketat terhadap projek penswastan bagi memastikan ia memenuhi kehendak rakyat.

"Jika tidak, ia akan mencemarkan imej kerajaan dan mengurangkan keyakinan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional," kata parti itu dalam kenyataan pada penutup perhimpunan sehari itu di sini hari ini.

Parti itu juga mahukan mekanisme yang lebih berkesan bagi memantau pemberian kontrak oleh agensi kerajaan agar ia adil dan telus.

Bersesuaian dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau, parti itu meminta Kementerian Pendidikan bertindak pantas untuk menyelesaikan sebarang masalah yang ada.

Kementerian itu harus mengambil langkah segera untuk mengatasi kekurangan guru di sekolah rendah Cina dan mempercepatkan pembinaan sekolah rendah Cina dan juga menempatkan semula sekolah Cina ke kawasan yang ramai penduduk Cina, katanya.

Untuk menghalang remaja daripada dipengaruhi unsur negatif, perhimpunan itu meminta pihak berkuasa mengawasi kegiatan tidak sihat seperti penagihan dadah dan gangsterisme, atau menubuhkan badan petugas khas untuk menangani keganasan dan kegiatan lucah antara remaja.

Perhimpunan itu juga menyuarakan kebimbangannya berkaitan kecenderungan sesetengah golongan terhadap fanatik agama yang boleh menimbulkan ketakutan dan perpecahan antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Sejumlah 1,851 perwakilan MCA menghadiri perhimpunan itu yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, perhimpunan itu tamat hari ini.

-- BERNAMA

NHA RI